




PERANGKAAN MUKTAMAD PERDAGANGAN LUAR NEGERI, 2024

Perdagangan Malaysia pada tahun 2024 meningkatkan sebanyak 9.2% berbanding tahun ke tahun, mencatatkan rekod baharu sebanyak RM2.88 trilion.

EKSPORT, IMPORT & JUMLAH DAGANGAN



EKSPORT PRODUK UTAMA

Barangan Elektrik & Elektronik

RM601.6 bil.
↑ 4.5%

RM117.6 bil.
↓ 12.2%

Keluaran Petroleum Bertapis

Minyak Kelapa Sawit & Hasil Keluaran

RM114.4 bil.
↑ 12.0%

EKSPORT DOMESTIK & EKSPORT SEMULA




IMPORT MENGIKUT PENGGUNAAN AKHIR & KATEGORI EKONOMI UMUM



Sumbangan

RAKAN DAGANGAN UTAMA



Sumbangan Dagangan ASEAN:

26.5%

Ekspor **RM438.0 bil.** ↑ 4.2%


Import **RM326.4 bil.** ↑ 8.7%

Nota:

- ↑ ↓ Semua perubahan adalah berdasarkan perbandingan tahun ke tahun.
- Laporan ini boleh diperolehi daripada laman portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<http://www.dosm.gov.my>) di bawah ruangan: Siaran Terkini.

Sumber : Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, 2024
Jabatan Perangkaan Malaysia

Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri, 1990 – 2024



Prestasi perdagangan 2024 berjaya dicapai apabila Malaysia merekodkan nilai melebihi RM2 trilion untuk tahun keempat berturut-turut

- Jumlah dagangan meningkat 9.2 peratus atau RM242.3 bilion kepada RM2.9 trilion tahun ke tahun, seiring dengan peningkatan dalam eksport (5.8%) dan import (13.1%). Malaysia mengekalkan lebih dagangan untuk 27 tahun berturut-turut sejak 1998 berjumlah RM139.1 bilion. Walau bagaimanapun, lebih tersebut menyusut 35.4 peratus atau RM76.1 bilion daripada RM215.2 bilion pada tahun 2023.
- Kenaikan eksport disokong oleh eksport domestik yang meningkat 9.4 peratus daripada RM1.1 trilion kepada RM1.2 trilion dan menyumbang 80.6 peratus kepada jumlah eksport. Sebaliknya, eksport semula dengan nilai RM293.2 bilion merosot 7.0 peratus atau RM21.9 bilion berbanding tahun 2023.
- Eksport yang lebih tinggi didorong terutamanya oleh penghantaran ke Amerika Syarikat yang mencatat pertumbuhan 23.3 peratus atau RM37.6 bilion kepada RM199.9 bilion. Seterusnya diikuti oleh Taiwan (+RM23.6 bilion, +54.5%); Singapura (+RM11.6 bilion, +5.3%); India (+RM6.6 bilion, +14.5%); dan Indonesia (+RM3.5 bilion, +6.9%).
- Peningkatan ini didorong oleh kenaikan eksport bagi barangan elektrik dan elektronik (+RM18.8 bilion); keluaran perkilangan lain (+RM7.1 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM2.2 bilion); serta produk getah (+RM1.9 bilion).
- Peningkatan ketara dalam import didorong oleh penerimaan dari China dengan kenaikan 14.9 peratus kepada RM296.5 bilion, diikuti oleh Amerika Syarikat (+RM37.4 bilion, +42.1%); Taiwan (+RM25.3 bilion, +30.2%); Singapura (+RM21.7 bilion, +15.1%); Kesatuan Eropah (+RM9.2 bilion, +9.8%); dan Mexico (+RM6.1 bilion, +198.6%).
- Peningkatan ini disumbangkan oleh import kukuh bagi barangan elektrik & elektronik (+RM18.9 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM9.1 bilion); serta kelengkapan pengangkutan (+RM3.0 bilion).
- Eksport mengikut sektor bagi barangan perkilangan, keluaran pertanian, hasil galian dan lain-lain mencatatkan jumlah RM1,509.3 bilion dengan pertumbuhan 5.8 peratus atau RM83.1 bilion. Peningkatan ini didorong oleh barangan elektrik & elektronik (+RM26.1 bilion, +4.5%); barangan keluaran lain (+RM15.4 bilion, +34.2%); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM11.8 bilion, +20.5%); minyak sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak sawit (+RM8.5 bilion, +11.9%) serta barangan perkilangan logam (+RM5.2 bilion, +9.2%).
- Pengembangan import turut direkodkan bagi barangan elektrik & elektronik (+RM99.9 bilion, +28.1%); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM24.4 bilion, +27.4%); keluaran pertanian yang lain (+RM11.6 bilion, +25.9%); barangan perkilangan logam (+RM6.2 bilion, +9.6%); makanan diproses (+RM3.5 bilion, +12.1%); dan gas asli cecair (+RM3.0 bilion, +43.0%).
- Peningkatan dalam import mengikut Penggunaan Akhir dipengaruhi oleh ketiga-tiga kategori iaitu barangan modal yang berjumlah RM166.1 bilion (12.1% daripada jumlah import) naik 29.0 peratus, didorong oleh kenaikan import barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (+RM37.4 bilion). Import barangan penggunaan (8.6% daripada jumlah import) bertambah 12.8 peratus kepada RM117.4 bilion, hasil daripada peningkatan makanan & minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isirumah (+RM4.5 bilion) dan barangan tahan lama (+RM3.1 bilion). Barangan perantaraan bernilai RM749.2 bilion (54.7% daripada jumlah import), meningkat 20.7 peratus, didorong oleh kenaikan import alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (+RM87.0 bilion) serta bekalan perindustrian, diproses (+RM19.1 bilion).

